

50 pelajar USIM ditauliah Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis

SEREMBAN 17 Ogos - Seramai 50 pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ditauliahkan sebagai Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis dalam satu istiadat pentauliah yang diadakan di Batu Pahat, Johor, semalam.

Pelatih dari USIM itu terdiri daripada 26 lelaki dan 30 wanita, di mana merupakan penuntut peringkat Sarjana Muda universiti berkenaan telah menerima watak masing-masing sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Kali Ke-11 di Universiti Tun Hussein On, Batu Pahat.

Majlis yang dirasmikan oleh oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar turut menyaksikan seramai 1,026 pelatih Kor Suksis Universiti Awam seluruh negara diraikan penuh gemilang.

Yang turut hadir Ketua Polis Johor, Datuk Rusli Ahmad; Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Jaafar Mohd. Yusof dan Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani bersama Komandan-Komandan Kor Suksis dan pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Dalam pada itu, penerima anugerah pelatit terbaik, Muham-

mad Hafiz Amir, 22; Abdul Rahman Razali, 22; dan Shafatin Mohd. Zahar, 22, gembira diumumkan sebagai Pelatit Terbaik Keseluruhan, Pelatit Terbaik Latihan Luar dan Pelatit Terbaik Latihan Akademik dan menerima anugerah itu daripada Khalid.

Kata Muhammad Hafiz yang merupakan pelajar tahun tiga Sarjana Muda Sains Komputer Jaminan dan Keselamatan Maklumat, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat USIM yang dinobatkan sebagai Pelatit Terbaik Keseluruhan adalah pencapaian yang tidak disangka beliau apabila menyertai Kor Suksis USIM.

"Saya sangat gembira dan terkejut kerana saya menyertai kadet polis semasa di sekolah dahulu dan memilih Kor Suksis sebagai badan kokurikulum unit beruniform apabila memasuki universiti kerana ingin meneruskan minat mendalam dalam bidang kepolisian.

"Kursus dan aktiviti yang dikongsi oleh pelatit senior menambah lagi minat dan kesungguhan saya untuk menyertainya.

"Saya lebih berkeyakinan apabila bercakap di khalayak, penampilan lebih kemas dan berani mengambil tanggungjawab untuk ke hadapan untuk dilantik sebagai ketua," katanya di Nilai, dekat sini.

Sementara itu, Timbalan Komandan Kor Suksis USIM, Superintendan (KS) Hisham Sabri berkata, beliau mewakili pengurusan Suksis USIM melahirkan rasa bangga dan pujian kepada pelajar atas komitmen dan disiplin yang tinggi ditunjukkan semasa menjadi pelatit.

"Pelajar telah mengikuti latihan selama enam semester pengajian dan ini merupakan kumpulan ketujuh Inspektor Sukarelawan Polis yang telah dilahirkan sejak Kor Suksis USIM mula ditubuhkan pada tahun 2006," ujarnya.

USIM menjadi IPTA pertama di Negeri Sembilan yang menubuhkan Kor Suksis ini yang memperlihatkan penerapan nilai kepolisian agar mereka memiliki pengetahuan undang-undang, kemahiran, berdaya saing, berdisiplin, berkepercayaan dan dilengkapi dengan nilai-nilai murni serta harga diri yang tinggi mengikut acuan PDRM.

Penubuhan Kor Suksis di institusi pengajian tinggi adalah hasil cetusan idea bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika itu menjawat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri semasa lawatan beliau di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah pada 4 Februari 1999.



JAAFAR MOHD. YUSOF (tiga dari kanan) bersama sebahagian daripada pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Kali Ke-11 di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor, kelmarin.